

24/05/1999

Pembangunan Putra Jaya, rumah murah perlu seiring

Shamshul Azree Samshir

IPOH, Ahad - Cuepacs mahu kerajaan memastikan pembangunan pusat pentadbiran baru negara, Putra Jaya turut mengambilkira pembinaan rumah kos rendah bagi memenuhi permintaan kakitangan kerajaan yang akan berpindah ke kawasan itu.

Presidennya, N Siva Subramaniam, berkata pembinaan rumah kos rendah di Putra Jaya dianggap penting walaupun kerajaan sudah memberi jaminan akan menyediakan kawasan perumahan khas bagi kakitangan kerajaan di situ.

"Cuepacs mahu biarlah pembangunan di Putra Jaya seimbang dengan mengambilkira penyediaan rumah kos rendah demi kepentingan rakyat terutama kakitangan kerajaan berpendapatan rendah," katanya di majlis pelancaran projek rumah kos rendah Taman Bercham Jaya, dekat sini, hari ini.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib. Hadir sama di majlis itu, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Abdul Majid Hussin dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar.

Di majlis itu, Cuepacs turut menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan Kerajaan Perak dan anak syarikat Kumpulan Emkay, Zaman Teladan Sdn Bhd.

Perjanjian itu membolehkan kakitangan kerajaan yang berkemampuan serta memenuhi syarat pembelian rumah kos rendah kerajaan diberi keutamaan dalam pemilihan pembeli.

Siva berkata, cadangan supaya rumah kos rendah turut dibina di Putra Jaya sudah disuarakan oleh Cuepacs kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"Cuepacs gembira Dr Mahathir menerima cadangan itu malah kami yakin beliau akan mengumumkan sesuatu yang positif berhubung perkara itu tidak lama lagi.

"Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali juga memberi komitmennya dan berjanji akan cuba melakukan sesuatu," katanya.

Sementara itu, Siva berkata, Cuepacs berbangga dengan sikap positif kerajaan dalam memenuhi permintaan rakyat untuk memiliki rumah kos rendah di seluruh negara.

"Kerajaan kini menunjukkan rekod yang amat baik serta bersikap telus dalam isu penyediaan rumah kos rendah kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, Cuepacs gembira dapat menandatangani perjanjian bersama dengan Kerajaan Perak dan Syarikat Zaman Teladan Sdn Bhd bagi memberi lebih peluang kepada kakitangan kerajaan membeli rumah.

"Perjanjian itu yang pertama kali ditandatangani Cuepacs dengan mana-mana kerajaan negeri dan syarikat swasta bertujuan memastikan ahli diberi keutamaan mendapatkan rumah kos rendah jika benar-benar layak," katanya.

Menurutnya, Cuepacs bercadang mengadakan perjanjian yang sama dengan kerajaan negeri lain selepas ini demi kepentingan ahlinya.

(END)